

MANHAJ IBN QAYYIM MENGENAL PASTI HADITH MAWDU' DALAM AL-MANAR AL-MUNIF FI SAHIH WA AL-DHAI'F

Shahrizad binti Shahabudin

arizad72@gmail.com

Kolej Matrikulasi Pulau Pinang KPM

Md Khadri bin Yaris

Kolej Matrikulasi Pulau Pinang KPM

ABSTRAK

Disertasi ini adalah mengenai hadith *mawdu'* dengan menjadikan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai kaedah untuk mengenali ciri-cirinya. Persoalan hadith *mawdu'* mendapat perhatian para ulama hadith dalam usaha menyelamat hadith dari sebarang kepalsuan. Kajian ini berbentuk Kajian Kualitatif yang menggunakan Metod Kajian Kepustakaan untuk mengkaji kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengkategorikan hadith *mawdu'* sebagai reaksi terhadap persoalan ‘apakah mungkin dapat dikenalpasti hadith *mawdu'* tanpa melihat kepada sanad’. Jawapan kepada persoalan itu dipersembahkan oleh beliau melalui kaedahnya yang tersendiri bagi menjelaskan sebab-sebab sesebuah hadith itu boleh dikategorikan sebagai hadith *mawdu'*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji metodologi beliau dalam mengenalpasti hadith *mawdu'* dalam kitab *Al-Manar Al-Munif* yang mengandungi koleksi hadith *mawdu'* berdasarkan matan. Penumpuan kajian hanya mengkhususkan kepada manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam kitab *Al-Manar Al-Munif* melalui penelitian Al-Quran dan Hadith yang Sahih, sementara pendekatan yang lain tidak difokuskan pada kajian ini. Ternyata pendekatan yang dikemukakan di dalam kitab ini walaupun ringkas tetapi dapat dijadikan panduan untuk menjelaki hadith *mawdu'* tanpa melalui kajian sanad.

Kata Kunci: *Hadith Mawdu'*, *Matan*, *Al-Quran*, *Hadith Sahih*

Pengenalan

Al-Quran merupakan sumber utama dalam syariat Islam, namun begitu kandungan dan ajarannya tidak dapat difahami dan dihayati dengan sempurna melainkan melalui keterangan dan penjelasan daripada Rasulullah S.A.W. Keterangan dan penjelasan ini termasuk dalam pengertian hadith yang telah disepakati umat Islam terhadap komposisinya sebagai sumber hukum kedua Islam selepas al-Quran berpandukan dalil-dalil wahyu daripada al-Quran dan hadith. Firman Allah SWT:

فَآمِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللّٰهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّقُوْهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُوْنَ

Maksudnya: Hendaklah kamu beriman kepada Allah dan RasulNya yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimatNya, hendaklah kamu ikut Rasul mudah-mudahan kamu mendapat petunjuk (Surah al-A'raf: 158)

Rasulullah SAW bersabda di dalam riwayat yang sahih:

ترکت فیکم امرین لَنْ تضلُّوا مَا انْ تمسِّکتم بِهِما كِتابَ اللهِ وَسُنْتِي

Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan kedu-duanya iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan sunnahku (Yusuf ibn 'Abdullah ibn 'Abd al-Barr: t.th).

Dalil ini sebagai indikasi betapa ada kaitan yang begitu rapat antara al-Quran dan hadith. Tanpa hadith tidak mungkin kandungan ayat al-Quran dapat difahami dan dihayati sebagai syariat agama Islam yang syumul. Oleh kerana komposisi hadith begitu penting selepas al-Quran, maka para sahabat berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehi dan menghayati ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya dalam segenap aspek kehidupan mereka dan seterusnya menyebarkannya dengan penuh berhati-hati agar tidak berlaku kesilapan dan pendustaan terhadap hadith Nabi S.A.W. Tindakan para sahabat ini telah menjadi ikutan para tabiin dan generasi selepas mereka dalam usaha memelihara hadith, beringat-ingat dalam hal agama dan juga untuk kepentingan orang Islam. Semua ini bersandarkan peringatan Nabi S.A.W kepada para sahabat supaya menjauahkan diri dari membuat pendustaan ke atas baginda melalui sabdaannya:

وَمَنْ كَذَبَ عَلَىٰ مَعْنَدِهِ فَلَيَتَبَرَّأْ مَقْعِدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: dan sesiapa yang membuat pendustaan ke atasku secara sengaja, maka dia menyediakan tempat kediamannya di dalam neraka (Muslim: t.th).

Kenyataan hadith ini menunjukkan sesuatu yang sudahpun dijangkakan kerana pengetahuan baginda mendahului zaman. Ini terbukti walaupun para sahabat, para tabiin dan tokoh ilmuan hadith berusaha sedaya upaya menghayati ajaran-ajaran yang terkandung dalam hadith dan berusaha dengan berbagai-bagai cara agar keaslian hadith terpelihara sehingga perkembangan ilmu hadith berlaku dengan pesat sekali, namun keaslian hadith tergugat setelah berlaku fitnah dengan timbulnya usaha memalsukan hadith. Ekoran itu, lahirlah ramai cendiakawan Islam di dalam bidang hadith berusaha membenteraskannya, dan dengan berkat usaha gigih mereka hadith dapat diselamatkan. Sungguhpun begitu, realitinya pemalsuan hadith terus berlaku seakan-akan tiada kesudahannya dan pastinya fenomena ini telah meninggalkan kesan yang begitu mendalam kepada kehidupan umat Islam.

Situasi ini sudah tentu menuntut adanya kesinambungan usaha tokoh-tokoh terdahulu sebagai jaminan berterusan agar ketulinan agama tetap terpelihara walau dengan apa cara sekalipun. Di antara tokoh yang memberi perhatian bagi menjelaskan kefahaman kepada umat Islam mengenai ciri-ciri hadith palsu ialah Syams al-Dīn Abū 'Abd Allah bin Muhammad bin Abī Bakr Bin Sa'īd Bin Hariz Al-Zar'ī yang lebih dikenali dengan Ibn Qayyim al-Jawziyyah melalui karyanya *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f*. Kitab ini pada umumnya merupakan koleksi hadith-hadith yang dianggap hadith *mawdu'* atau palsu yang disusun berpandukan manhajnya yang tersendiri yang boleh dijadikan asas untuk mengenali kriteria-kriteria hadith palsu..

Justeru kajian ini akan cuba mengenalpasti dan menganalisa Manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenalpasti *Hadith mawdu'* dalam *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f*.

Penyataan Masalah

Pemalsuan hadith merupakan gejala tidak sihat dalam Islam kerana kewujudannya telah memasukkan sesuatu dalam Islam yang sebenarnya bukan dari ajaran Islam. Gejala negatif ini telah melanda sekian lama umat Islam yang membawa banyak implikasi buruk kepada umat Islam baik dari segi aqidah, ibadah, pemikiran maupun akhlak. Walaupun ia ternyata membahayakan umat Islam, namun ia tetap mendapat tempat di hati sebahagian umat Islam.

Penilaian terhadap sesuatu hadith sangat besar pengaruhnya dalam menentukan kepercayaan dan amalan yang akan mewarnai wajah agama Islam. Akibat tidak cermat dalam mengambil atau merujuk hadith mengikut amalan ahli-hadith menyebabkan mereka berpegang pada sesuatu yang belum dipastikan kesahihannya. Bagi mereka asalkan hadith, maka ia adalah bahan yang mesti dipegang tanpa perlu dikaji terlebih dahulu, maka terus sahaja dianggap yang benar-benar berasal daripada perkataan, pengakuan atau perbuatan Rasulullah S.A.W. Pada hal apabila disemak kebanyakkan darinya tidak memiliki asal-usulnya atau memiliki darjah yang tidak menepati disiplin ilmu hadith dan banyak kata dusta yang telah disandarkan kepada Nabi S.A.W yang sama sekali tidak berkaitan dengan baginda S.A.W. Sebenarnya tidak salah untuk mencari hikmah disebalik intipati hadith, tetapi untuk melangkaui batas al-Quran dan hadith merupakan perkara yang dilarang dalam Islam.

Inilah persoalan semasa yang menyelubungi umat Islam disebabkan kejahilan dan kekeliruan mereka dalam menentukan status hadith. Mengenali status hadith sama ada sahih atau palsu bukanlah sesuatu kerja yang mudah, sebaliknya memerlukan persiapan ilmu yang mantap dan penghayatan yang bersungguh-sungguh tentang keseluruhan sunnah serta sirah Nabi S.A.W. Di dalam bidang hadith, ilmu *rījāl*, *sanad* dan *jarī wa ta'dīl* (Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb: 1989) sangat sukar sehingga para *nuqad* yang besarpun terdedah kepada kesalahan tertentu dalam menilai sesuatu hadith, apatah lagi para pengkaji sanad masakini yang terlalu jauh penguasaan sumber dan ilmu berbanding para ulama nuqad terdahulu.

Dalam masalah hadith ini, ruang menilai secara positif masih ada kerana kurang-kurangnya hadith ini tidak bertaraf *mawdu'* atau batil kerana perawinya yang dinilai lemah tidak terlalu ditzohmah sehingga jatuh kepada tahap dusta atau pemalsu hadith. Kandungan matan harus diperiksa terlebih dahulu bagi memastikan ia selaras dengan al-Quran dan hadith yang lain serta bersesuaian dengan prinsip Islam. Sekiranya bercanggah, maka ia perlu diketepikan dan sekiranya menepati dengan prinsip Islam, perawinya perlu dinilai terlebih dahulu untuk menentukan sahih atau tidak hadith tersebut.

Persoalannya, apakah ada cara untuk mengagak sesebuah hadith itu mungkin palsu hanya dengan membaca matan hadith (teks) sahaja tanpa dibuat kajian terhadap sanad. Dalam hal ini, Ibn Qyyim al-Jawziyyah pernah menjelaskan apabila di tanya sama ada kita boleh mengenal hadith palsu berdasarkan ciri-ciri tertentu tanpa melihat kepada sanad sesebuah hadith dengan katanya:

Soalan ini cukup bermakna sekali. Sesungguhnya orang yang mampu perkara itu adalah orang yang mempunyai ilmu yang luas tentang sunnah-sunnah Nabi SAW. dan ajaran petunjuknya, suruhan dan larangannya, berita-berita dan seruan dakwah yang disampaikan, perkara-perkara kegemaran baginda, juga

perkara-perkara yang tidak disukai baginda serta apa juu yang disyari'atkan baginda kepada umat seolah-olah dia sendiri bergaul dengan baginda sebagai seorang sahabat baginda. Orang berkenaan tentunya mengetahui perilaku, petunjuk dan bicara baginda, apa yang harus diperkatakan dan tidak harus diperkatakan baginda serta apa yang tidak diketahui selain baginda. Inilah hal pengikut terhadap ikutannya, malah orang yang benar-benar (mencintai sunnahnya) akan gigih berusaha dalam mendapatkan segala kata-kata sabda dan perbuatan baginda serta mampu pula membezakan antara apa yang boleh dan tidak bolah dinisbahkan kepada baginda. Hal ini tidak boleh dilakukan oleh mereka yang tidak memiliki kemampuan sebagaimana yang dinyatakan. Ia hanya dapat dilakukan oleh pengikut (muqallad) terhadap imam-imam mereka berdasarkan pengetahuan mereka terhadap pendapat-pendapat, nas-nas serta mazhab imam mereka (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1970, 1998).

Justeru, sebagai menjawab kepada persoalan dan reaksi penjelasan Ibn Qayyim al-Jawziyyah di atas, penulis akan cuba mengkaji dan menganalisa serta mengenengahkan manhaj beliau sebagai salah satu alternatif ke arah mengenali hadith-hadith palsu. Melalui kajian ini akan diketahui fenomena yang dikaitkan dengan hadith *mawdu'* dari tinjauan kaca mata Ibn Qayyim al-Jawziyyah sendiri tentang apakah kriteria dalam menentukan sesebuah matan hadith *mawdu'*, bagaimana pula komposisinya yang mempunyai kebenaran maknanya sedangkan ia bukan sabdaan Nabi S.A.W dan seterusnya apakah faktor-faktor *'illah* (Ibn Øolal: 2008) yang membawa kepada penilaian palsu serta siapakah dalam disebalik kewujudan hadith *mawdu'*.

Segala permasalahan tersebut akan terungkai melalui kajian ini dengan terhasilnya dapatan-dapatan kajian yang diharapkan dapat membongkar segala kemelut yang berlaku. Sesungguhnya tulisan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f* telah menyenaraikan secara jelas dan terperinci ciri-ciri untuk mengenali hadith palsu berdasarkan matan. Pendekatan beliau merupakan antara yang terbaik sebagai sandaran untuk mengenali matan-matan hadith palsu.

Dengan mengenali hadith-hadith bertaraf *mawdu'*, sebenarnya membawa kepada penemuan hadith-hadith yang bertaraf sahih sehingga dapat dibezakan antara sahih atau tidak hadith tersebut. Tambahan pula kecenderungan sebahagian umat Islam yang suka beramal secara taklid yang mempunyai nilai komersial tanpa merujuk kepada sumber yang sahih telah menarik minat penulis untuk membuat kajian mengenai kitab tersebut.

Kajian Lepas

Penyelidikan ini secara umumnya adalah mengkaji tentang manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenalpasti hadith *mawdu'* dalam *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f*. Bagi mencapai tujuan kajian, penulis telah menggunakan bahan dan kajian yang berkait rapat dengan tajuk yang akan ditulis. Sepanjang penelitian penulis terdapat banyak kitab sama ada klasik atau kontemporari yang dijumpai. Di antara kitab-kitab yang menulis tentang biografi hidup, situasi politik, masyarakat, guru-guru, anak murid dan perkembangan ilmu pada zaman Ibn Qayyin al-Jawziyyah ialah kitab yang

ditulis oleh *Bakr bin ‘Abd Allah AbÉ Zayd* yang bertajuk *Ibn Qayyim al-Jawziyyah HayÉtuhÉ wa AthÉruhÉ* (Bakr bin ‘Abd Allah Abu Zayd: 1980). Kitab ini menjelaskan secara terperinci tentang biografi Ibn Qayyim al-Jawziyyah bermula sebelum kelahiran, waktu kecil, pencarian ilmu sehingga detik-detik kematianya.

Selain daripada itu, penulis juga merujuk kitab *al-BidÉyah wa al-NihÉyah* yang ditulis oleh *AbÉ Fida’ al-HafÉz Ibn KathÉr* (*AbÉ al-Fida’ al-HafÉz Ibn KathÉr*: 1994). Ia merupakan kitab sejarah berautoriti yang disepakati oleh para ilmuan Islam dalam mencatat biografi tokoh-tokoh Islam yang terkemuka. Kitab ini banyak mencatat perjalan Ibn KathÉr yang sempat berguru dengan Ibn al-Qayyim bagi menggambarkan perihal akhlak dan saksiyahnya.

Di samping itu juga, penulis merujuk kitab *TahqÉq* kepada kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai’f* bagi mendapatkan ulasan dan penjelasan yang dibuat oleh *‘Abd al-FattÉh Abu Ghuddah* (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1970) dan *Ahmad ‘Abd al-SyÉfÉ* (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Tidak terkecuali kitab-kitab yang membicarakan tentang hadith-hadith *mawdu’* seperti kitab *al-MaudhÉt* karangan Ibn JawzÉ, kitab *al-Fawa’id al-MajmÉah* karangan *al-SyawkÉnÉ*, kitab *al-Tadhkirah fÉ al-AhÉdith al-MawlÉt* karangan *Muhammad bin Uahir MaqdisÉ*, Kitab *MaqÉyis Ibn JawzÉ fÉ Naqd MutÉn al-sunnah min KhilÉl al-MawlÉt* karangan *Musfir al-DumainÉ* dan lainnya yang menjadi sandaran kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini.

Dalam tinjauan penulis mengenai kajian ilmiah tentang metodologi penulisan dalam pengajian hadith yang dikaitkan dengan Ibn Qayyim yang menjadikan kitab *Al-Manar Al-Munif* sebagai subjek kajian tidak ditemui kecuali terdapat kajian khusus tentang Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai’f* yang ditulis oleh Tuan Muhammad Sapuan bin Tuan Ismail di peringkat sarjana dalam kajiannya bertajuk *MaqÉyis Naqd al-Matan fi KitÉb al-ManÉr al-MunÉf fi al-ØaÍÉl wa al-Øa’Éf li Ibn Qayyim al-Jawziyyah* (Tuan Muhammad Sapuan bin Tuan Ismail: 2005). Tajuk Ini tidak menyamai tajuk kajian penulis yang lebih menekankan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah terhadap matan hadith *mawdu’*, sedangkan penulis tersebut lebih cenderung kepada menilai kritikan pada matan hadith walaupun merujuk kitab yang sama. Jelaslah, bahawa pendekatan penulis berkenaan berbeza dengan apa yang ingin diutarakan oleh penulis di dalam kajian ini.

Terdapat kajian khusus tentang Metodologi Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab tafsirnya yang ditulis oleh Noratikah Mohd. Zainuldin di peringkat Sarjana Muda yang bertajuk *Metodologi Ibn Qayyim Dalam Pentafsiran al-Quran: Satu Analisa terhadap Kitab Tafsir Ibn Qayyim* (Noratikah Mohd. Zainuldin: 2002/ 2003). Seterusnya kajian mengenai *Metodologi Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Kitab AmthÉl fi al-Quran* yang ditulis oleh Mohd Izwan bin Md Yusof (Mohd Izwan bin Md Yusof: 2007). Penulis juga mendapati kebanyakan kajian ilmiah yang berkaitan metodologi Ibn Qayyim terdapat didalam bidang pengajian Al-Quran.

Kesimpulannya, setelah penulis meneliti kajian ilmiah sebelum ini, belum ada lagi kajian ilmiah yang memfokuskan Manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenalpasti hadith *mawdu’* dalam *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai’f*.

Skop Kajian

Kajian ini adalah satu kajian teks dengan memberi tumpuan sepenuhnya kepada kajian kepustakaan. Kajian ini menumpukan kepada analisa dan tinjauan terhadap manhaj atau metodologi ahli hadith dalam sub bidang *naqd al-matan* khusus terhadap Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai antara ahli dalam bidang ini. Kajian ini semestinya akan memfokuskan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenalpasti hadith *mawdu'* dalam *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f* yang mengandungi koleksi hadith *mawdu'* berasaskan matan yang dikategorikan beliau ada percanggahan dengan al-Quran dan hadith yang sahih yang telah disandarkan kepada Nabi S.A.W secara dusta.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bagi memperkenalkan biografi Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan kewibawaannya. Ia juga bertujuan menampilkkan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam kitabnya yang bertajuk *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dhai'f* serta menjelaskan keistimewaan kitab tersebut dalam memberikan gambaran kefahaman beliau dalam mengulas hadith-hadith *mawdu'* untuk dijadikan panduan selaras dengan ketokohan beliau sebagai ilmuan yang terkenal pada zamannya.

Oleh itu, dengan adanya kajian ini akan menambahkan lagi koleksi kajian berhubung ketokohan Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai seorang ulama yang menguasai pelbagai disiplin ilmu agama yang melayakkannya digelar sebagai tokoh memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakatnya. Semua ini didorong atas keinginan untuk menonjolkan karya-karya ulama khususnya berkaitan hadith *mawdu'* yang secara tidak langsung pendekatan ini mampu menyampaikan mesej betapa pentingnya umat ini mengetahui dan memahami persoalan-persoalan yang berkaitan dengan jenis-jenis hadith termasuklah hadith palsu atau *mawdu'*.

Dengan demikian, semoga akan lahirlah kesedaran dalam kalangan umat Islam untuk mendalami ilmu-ilmu hadith dan mempertahankan kesucian sumber pegangan ummah ini selaras dengan perintah Allah di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مُنْكَرٌ فَإِن تَنَازَّ عَثْمٌ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ ثُؤْمُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّمَاخِرَ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ ثَوْبًا

Maksudnya: Wahai orang yang beriman hendaklah kamu taat setia kepada Allah dan taat kepada RasulNya dan pemerintah dari kalangan kamu yang beriman. Jika kamu bersalah pendapat tentang sesuatu perkara, hendaklah kamu kembalikannya kepada Allah dan RasulNya jika benar-benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan elok pula kesudahannya (Suran al-Nisa': 56).

Ayat ini menjadi bukti tentang kepentingan berpegang dengan sumber wahyu, iaitu al-Quran dan hadith Nabi S.A.W sebagai jaminan untuk mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mendedahkan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah terhadap hadith-hadith *mawdu'* atau palsu di dalam kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Sahih Wa Al-Dha'if*. Menerusi kajian ini, penulis telah menggariskan beberapa objektif yang ingin dicapai di antaranya ialah:

- i-* Mengenal pasti Manhaj Ibn Qayyim dalam kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha'if*.
- ii-* Mengkaji Manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengkategorikan hadith *mawdu'* berdasarkan matan yang ada percanggahan dengan Al-Quran dan Hadith yang sahih.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perkara yang amat penting dalam melaksanakan kajian dan penyelidikan. Perkataan metodologi berasal daripada dua perkataan bahasa Yunani iaiti “*logos*” yang bermaksud ilmu dan “*methodos*” yang bererti melakukan sesuatu atau sistem, kaedah, atau aturan membuat sesuatu dan cara mendapatkan sejumlah data atau dalil yang sistematik didalam kajian (Mark Abrahamson: 1963).

Secara jelasnya, dapatlah dinyatakan bahawa metodologi penyelidikan ialah satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif, bertujuan untuk memperolehi, mengumpul data dan menganalisa data yang tepat dan berkesan bagi mendapatkan kepastian tentang sesuatu perkara dan seterusnya memperolehi pengetahuan baru atau mengembangkan sesuatu bidang pengetahuan (Winardis: 1976).

Justeru, penulis telah memilih tiga kaedah sebagai asas dalam penulisan kajian ilmiah ini.

Metodo Penentuan Subjek

Menerusi metod ini, penulis telah memilih dan menjadikan kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha'if* karya Ibn Qayyin al-Jawziyyah sebagai bahan atau subjek penelitian serta kajian. Justeru di dalam kajian ini, penulis akan mengenal pasti manhaj atau metodologi yang digunakan oleh Ibn Qayyim berhubung perbahasan beliau tentang tanda-tanda hadith *mawdu'* berdasarkan matan hadith.

Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpul maklumat-maklumat bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan metod kajian kepustakaan sebagai landasan utama bagi mendapatkan data-data penting. Data-data tersebut adalah meliputi segala bahan berkaitan hadith

dan ilmunya melalui kitab muslalaí al-hadith, kitab-kitab *al-mawlid*, kamus-kamus besar untuk mendapat penjelasan istilah-istilah tertentu terutama ketika memberikan takrif dari sudut bahasa dan kitabnya *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha`if*.

Untuk tujuan tersebut, metod-metod yang digunakan oleh penulis adalah seperti berikut:

Metod Historis

Metod historis adalah sesuatu proses untuk memastikan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian (Prof. Iman Barnadib: 1982). Metod ini digunakan untuk mencari sumber-sumber data yang bersifat sejarah seperti catatan-catatan dan hasil-hasil karya yang dikaji,

Metod Dokumentasi

Metod ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan pengkajian terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang sedang diteliti (Prof. Iman Barnadib: 1982). Dokumen juga sebagai bahan untuk meneliti perkembangan historis yang khusus.

Sumber dokumen dapat dikelaskan kepada dua jenis, iaitu:

- i. Data Primer
- ii. Data sekunder

Data primer terdiri daripada bahan asli tulisan Ibn Qayyim al-Jawziyyah iaitu *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha`if*, terbitan *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*, Beirut Lubnan, cetakan pertama 1988 yang disunting oleh Ahmad bin 'Abd al-Syafi'i. Termasuk data primer yang penulis gunakan adalah *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha`if*, terbitan Maktab al-Ma'libah al-Islamiyyah, cetakan pertama 1970 yang disunting oleh 'Abd Fattah Abdu Ghuddah.

Manakala data-data sekunder terdiri daripada pelbagai kitab klasik dan semasa yang ada kaitan dengan tajuk kajian, seperti kitab-kitab *al-Mu'allala al-xadith* yang membicarakan hadith *mawdu'*, kitab tarajum dan tabaqat, kamus-kamus bahasa Arab dan lain-lain kitab yang banyak membantu.

Metod Penganalisisan Data

Segala data yang dikumpul akan dilakukan proses penganalisisan dan pengkajian yang teliti. Dalam usaha ini, penulis akan melakukan penganalisisan yang relevan dengan penyelidikan, iaitu:

Metod Induktif

Ia merupakan satu cara menganalisa data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum (Abdul Halim Mat Diah: 1987). Melalui metod ini, penulis akan mengumpul maklumat dan data yang diperolehi dari subjek kajian, kemudian data tersebut akan ditafsirkan untuk membuat kesimpulan umum.

Metod Deduktif

Metod ini digunakan dalam menganalisa data dan membuat kesimpulan berdasarkan proses berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil yang bersifat umum kepada hal-hal yang khusus. Melalui metod ini penulis akan menggunakan bagi mengenalpasti dan mengkaji manhaj atau metodologi yang digunakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenalpasti hadith *mawdu'* dalam *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha'if*, seterusnya membahaskan dalam bentuk yang lebih terperinci dan khusus.

Dapatan Kajian

Terdapat beberapa pendekatan yang dapat dikesan oleh penulis berhubung manhaj yang digunakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam menentukan sesebuah hadith itu *mawdu'*. Ibn Qayyim pernah menukilkan di dalam kitab *Al-Manar Al-Munif* dengan katanya: “*Bab yang membahaskan hadith mawdu' terlalu luas. Sesungguhnya kami menyebut sebahagiannya supaya mudah untuk mengetahui hadith-hadith kategori ini serta contoh-contohnya, di mana sebahagiannya mengandungi lafadz mujazafah yang semuanya dihukum palsu, sebahagian dilakukan oleh kebanyakan golongan yang jahil dengan ilmu hadith yang terpedaya dengan sifat kezuhudan dan juga fanatik kepada Mazhab Fiqh*” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Demikianlah gambaran umum yang dibuat oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengenai gejala yang dikaitkan dengan hadith *mawdu'*. Walaupun beliau menyatakan secara umum, namun kaedah ini mampu dijadikan landasan untuk mengesan sesebuah hadith *mawdu'*.

Sebenarnya, untuk memastikan sesebuah hadith itu sama ada saih atau *mawdu'* bukanlah satu kerja mudah, sebaliknya memerlukan persediaan ilmu yang rapi serta pengamatan yang mendalam sepertimana diungkapkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dengan katanya: “*sesungguhnya orang yang mampu mengetahui perkara itu (hadith mawdu') adalah orang yang mempunyai ilmu yang luas tentang sunnah-sunnah nabi yang saihh...*” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Kenyataan ini menuntut perlunya seseorang itu mendalami sunnah-sunnah Nabi S.A.W yang saih untuk membantunya mengenal pasti kedudukan taraf sesebuah hadith, apakah lagi untuk membezakan hadith *mawdu'* dan saih dengan hanya merujuk matan sahaja.

Pendapat beliau adalah seiring dengan pandangan yang pernah dikemukakan oleh Ibn DaqÈeq al-'IÈd dengan katanya: “*Pada kebiasaannya, ulama menghukum*

sesebuah hadith itu palsu dengan mengambil kira ciri-ciri yang terdapat dalam matan dan kesimpulannya bahawa mereka itu memiliki persediaan diri dan keupayaan yang kuat disebabkan lamanya tempoh berurusan dengan hadith sehingga mereka mengetahui apa yang boleh diterima sebagai sumber lafaz-lafaz kenabian atau tidak.” (Muhammad Jamaluddin Al-Qésim: 1993).

Pernyataan ini membuktikan bahawa mereka yang mendalami dan menghayati sunnah Rasulullah S.A.W dalam erti kata yang sebenar di samping mempunyai ilmu dalam bidang hadith serta pengamatan yang tajam dapat membezakan antara hadith yang sahih ataupun palsu. Kegagalan dalam memahami sunah-sunah Nabi dan cetek ilmu dalam bidang hadith telah mengundang malapetaka besar kepada umat Islam, iaitu terjadinya pemalsuan hadith yang tidak terkawal.

Oleh kerana itu, sebagai jalan keluar dari kemelut ini, maka penulis akan membahaskan manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam mengenal pasti hadith *mawdu'* di samping pandangan-pandangan ulama lain, sama ada terdapat persamaan atau perbezaan, namun penulis tidak berhasrat untuk membuat perbandingan tersebut secara khusus. Penumpuan kajian hanya mengkhususkan kepada manhaj Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam kitab *Al-Manar Al-Munif* melalui penelitian Al-Quran dan Hadith yang Sahih

Penelitian Hadith Dengan Pendekatan Al-Quran

Al-Quran al-Karim adalah sumber utama dalam perundangan Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam masa 23 tahun untuk menjadi mukjizat atas kerasulannya. Al-Quran juga merupakan kitab petunjuk membawa manusia ke jalan yang lurus agar beroleh kesejahteraan di dunia dan akhirat sepertimana firmanNya:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَفْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang lurus dan memberi berita gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan amal soleh bahawa bagi mereka pahala yang besar (Surah al-Israa': 9).

Oleh kerana kedudukan al-Quran sebagai sumber utama, maka kredibilitinya tidak boleh digugat oleh mana-mana sumber lain termasuk hadith yang dianggap sumber kedua selepas al-Quran. Memandangkan ada kaitan secara lansung antara al-Quran dan hadith, maka kedua-dua sumber ini tidak boleh bercanggah antara satu sama lain. Sekiranya berlaku pertentangan, sumber utama akan terpakai, manakala sumber kedua terbatal. Ini adalah kaedah yang digunakan dalam menentukan hukum di dalam Islam.

Sehubungan itu, hanya sumber yang sahih sahaja akan diterima dan yang palsu akan ditolak. Untuk mengenali sumber yang sahih perlulah dibezakan dengan yang palsu. Ibn Qayyim telah menyenaraikan salah satu tanda hadith *mawdu'* berdasarkan matan ialah matan hadith tersebut bertentangan dengan al-Quran. Antara hadith-hadith yang bertentangan al-Quran ialah:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَلَدُ الزَّنَنِ

Maksudnya: anak zina tidak akan masuk syurga (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Hadith ini secara terang menyanggahi ayat 15, Surah al-Israa' seperti firman Allah:

وَلَا تَنْزِرْ وَازْرَةً وَزْرَ أُخْرَى

Maksudnya: Dan kamu tidak akan memikul, dan kamu tidak akan dibebani dosa orang lain (Surah al-Israa': 15).

Ibn Qayyim menjelaskan hadith ini dikira sebahagian lafaz-lafaznya *la a'lla lahu* (tidak ada asas). Beliau berpendapat bahawa mana mungkin anak zina dihukum disebabkan perbuatan kedua-dua ibu bapanya? Ini kerana Allah tidak akan menghukum seseorang yang tidak terlibat melakukan kesalahan tersebut sebaliknya akan menghukum kesalahan itu kepada pelaku zina yang dikira melakukan dosa yang tidak dibenarkan (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Jika diletakkan kesalahan tersebut kepada anak zina, maka ia mencemarkan penegasan al-Quran tentang keadilan Allah yang tidak menghukum seseorang atas kesalahan orang lain.

Menurut Abū Faraj al-Jawzī (Abū Faraj 'Abd al-Rahmān bin 'Alī bin Ja'far Ibn Jawzī: 1997), kenyataan dalam hadith ini tidak ada sesuatupun yang sahih disebabkan ada pertentangan yang nyata dengan ayat 15 *Surah al-Israa'*. Berdasarkan pendekatan ini, jelaslah bahawa mana-mana matan hadith yang secara terang-terangan bercanggah dengan al-Quran dan tidak dapat ditakwil, maka termasuklah salah satu tanda hadith itu adalah *mawdu'*.

Jelaslah di sini bahawa apa yang telah diletakkan oleh Ibn Qayyim ini ada asasnya kerana seperti yang diketahui bahawa al-Quran dan Hadith merupakan wahyu daripada Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W. Kedua-dua sumber ini sudah tentu tidak akan ada percanggahan antara satu sama lain memandangkan ada kaitan yang begitu rapat dari segi peranan dan fungsi kedua-dua sumber tadi. Sekiranya berlaku percanggahan antara kedua-duanya, maka sudah tentu ada unsur lain yang mencemarkannya dan pastinya hadithlah yang menerima kesannya kerana al-Quran mendapat jaminan daripada Allah S.W.T iaitu terpelihara dari sebarang perubahan kandungan ayatnya, seperti firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَرَأِنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran dan kamilah yang menjaga (Surah al-Hijr: 9).

Berdasarkan pengertian ayat ini, jelaslah bahawa kandungan al-Quran mendapat jaminan daripada Allah S.W.T secara langsung walaupun ada usaha-usaha manusia khususnya musuh-musuh Islam untuk mengubahsuai mukjizat agung ini. Ini tidaklah bermakna hadith terbiar tanpa pengawasan Allah SWT., sebenarnya ia juga mendapat jaminan melalui kekuasaanNya secara tidak lansung dengan mencipta sebahagian umat ini bangun bersilih ganti mempertahankan kesuciannya. Dengan jaminan ini, kedua-dua sumber tadi tidak boleh sama sekali bercanggah antara satu sama lain kerana kedua-duanya daripada sumber wahyu.

Percanggahan berlaku menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena pada hadith kerana ia memberi tanda awal untuk meraguinya, memandangkan al-Quran merupakan kalam Allah yang terpelihara daripada sebarang perubahan dan diiktiraf sebagai mukjizat agung berbanding hadith yang lafaznya daripada Nabi SAW., sedangkan maknanya daripada Allah SWT. Dengan melihat kedudukan kedua-dua sumber

tersebut, nyatakanlah impak pemalsuan berlaku kepada hadith kerana pada hemat penulis, dalam proses meriwayat hadith terdapat ruang kosong atau lompong yang boleh memberi peluang berlakunya pemalsuan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab atau musuh-musuh Islam kerana terdapat perawi yang tidak boleh dipercayai bahkan sanggup memalsukan hadith-hadith Nabi SAW. Keadaan sebegini tidak berlaku kepada al-Quran.

Penelitian Hadith Dengan Pendekatan Hadith

Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya *Al-Manar Al-Munif* telah menyenaraikan antara ciri-ciri hadith *mawdu'* ialah ada pertentangan antara hadith dengan hadith yang sahih. Melalui pendekatan ini, penulis dapat mengenalpasti ada beberapa tanda atau ciri yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pendekatan berkenaan, iaitu:

Matan Hadith Yang Jelas Bercanggah Dengan Al-Sunnah Yang Sahih

Berhubung matan hadith yang mempunyai ciri seperti ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah merumuskan bahawa semua hadith yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang menyanjung keburukan, kezaliman, kebatilan atau menghina kebenaran dan seumpamanya bolehlah dikategorikan sebagai palsu kerana ungkapan seperti ini tiada kaitan langsung dengan persabdaan Nabi Muhammad S.A.W sebagai contoh hadith:

أحاديث مدح من اسمه محمد او احمد، وأن كل من يسمى بهذه الأسماء لا يدخل النار

Maksudnya: Hadith yang menyanjung orang yang bernama Ahmad atau Muhammad di mana sesiapa yang namanya Ahmad atau Muhammad tidak akan masuk neraka (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Berdasarkan matan ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menjelaskan bahawa matan hadith tersebut bertentangan dengan konsep agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W kerana kebebasan daripada api neraka bukan terletak pada nama atau keturunannya, tetapi sebaliknya bergantung kepada iman dan amal soleh seseorang. Pandangan beliau turut disokong oleh al-Syawkānī di dalam al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawla'at yang dihukumnya sebagai *La tasihhu* (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Sehubungan itu, pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah jelas membawa maksud bahawa hadith di atas ada pertentangan yang begitu ketara dengan roh agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Jaminan balasan syurga bukanlah bergantung kepada nama atau gelaran seseorang, sebaliknya iman dan amalan soleh seseorang. Begitulah balasan neraka juga tidak melihat kepada aspek tersebut, tetapi amalan buruklah yang mencampakkan seseorang ke dalam neraka.

Berdasarkan aspek ini, didapati hadith bertaraf *mawdu'* seringkali dilihat bercanggah dengan sunnah yang sahih, maka dengan sendirinya menunjukkan ia bukan daripada Rasulullah SAW. Sekiranya ia benar-benar datang daripada Rasulullah SAW., mana mungkin ia boleh bercanggah dengan sunnah yang sahih, maka sudah tentu percanggahan tersebut membuktikan ia adalah hadith palsu yang direka.

Matan Hadith Mengandungi Kebatilan

Bagi hadith-hadith yang mengandungi kebatilan yang membuktikan ia bukan daripada sabdaan Rasulullah SAW., sebagaimana yang diutarakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah iaitu berkaitan hadith:

اذا غضب الله تعالى أنزل الوحي بالفارسية و اذا رضي أنزله بالعربية

Maksudnya: Apabila Allah Taala marah, wahyu akan diturunkan dalam bahasa Parsi dan apabila Allah suka wahyu diturunkan dalam bahasa Arab (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Hadith ini dinukilkhan oleh Ibn Qayyim dalam kitab al-Faw'id yang diriwayatkan oleh Ibn 'Adî daripada Abî Umâmah secara *marfâ'* dan telah dihukum *mawdu'*. Menurut Ibn Hibbân, hadith ini adalah *batil La Asla Lahu* kerana ia telah direka oleh golongan Zindik Parsi yang sentiasa memusuhi Islam (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Hadith seperti ini sudah nampak kebatilannya kerana ungkapannya tidak sesuai dengan sabdaan Nabi S.A.W yang secara lansung telah membuktikan bahawa ia bukan daripada kata-kata Nabi S.A.W.

Menerusi pendekatan ini, zahirnya sudah membuktikan matannya tidak seperti sabdaan Nabi S.A.W., maka ciri-ciri seperti ini boleh memberi isyarat kepada pembaca dan pengkaji untuk meragui kebenaran hadith-hadith tersebut. Kandungan matannya sudah tersasar jauh daripada penghayatan agama yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W Mesej dalam matan hadith tersebut jelas menganjurkan perasaan asabiyah sehingga membelakangkan kepentingan ajaran agama yang sebenar. Matannya sudah nampak kebatilannya sebagai sabdaan Nabi S.A.W kerana ada unsur taksub melampau yang jelas bercanggah dengan mesej dakwah yang dibawa oleh Nabi S.A.W, iaitu memupuk hubungan persaudaraan. Pencanggahan yang berlaku boleh mengundang keraguan terhadap kesahihan kandungan matan hadith tersebut. Unsur-unsur kelampauan sebeginilah menjadi sebahagian penyebab kenapa hadith *mawdu'* dicipta dan direka .

Hadith-Hadith Yang Ditolak Oleh Hadith Yang Sahih

Memandangkan isi kandungan hadith *mawdu'* ini tidak berasal dari sumber yang sama, iaitu daripada Rasulullah SAW. yang diberikan wahyu, maka seringkali ia bercanggah bukan sahaja dengan al-Quran tetapi juga dengan hadith ataupun sunnah yang sahih. Oleh sebab itu, Ibn Qayyim dalam karyanya *Al-Manar Al-Munif* telah mengklasifikasikan salah satu tanda hadith *mawdu'* ialah hadith-hadith yang bertentangan dengan hadith-hadith yang sahih. Sebagai contoh hadith mengenai Allah mencipta Nabi Adam AS.:

خلق الله ادم و طوله في السماء ستون ذراعا فلم يزل الخلق ينقص حتى الان

Maksudnya: Allah telah mencipta nabi Adam tinggi di langit iaitu 60 hasta. Seluruh makhluk setelah Adam AS. terus berkurang tingginya sampai sekarang (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Hadith ini bertentangan dengan hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari R.A:

روى البخاري حدثنا عبد الله بن محمد حدثنا عبد الرزاق عن همام عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: خلق الله آدم وطوله ستون زراعاً فلما خلقه قال : اذهب فسلم على أولئك من الملائكة فاستمع ما يحيونك تحينك وتحية ذريتك فقال : السلام عليك ورحمة الله. فزادوه برحمة الله فكل من يدخل الجنة على صورة آدم .
فلم يزل الخلق ينقص حتى الآن

Maksudnya: ...Allah menciptakan Adam A.S setinggi 60 hasta. Setelah menciptakannya, Allah berfirman: Pergilah dan ucapkanlah salam kepada malaikat, dan dengarkanlah jawapan mereka terhadap salam engkau dan salam anak cucu engkau maka firmannya lagi: 'al-Salam alaika Warahmat Allah'. Mereka telah menambahkan 'rahmat Allah', dengan itu setiap mereka masuk ke dalam syurga atas rupa Adam A.S maka senantiasalah seluruh makhluk setelah Adam a.s. terus berkurang tingginya sampai sekarang (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998).

Berpandukan hadith palsu di atas, didapati kandungan matannya jelas bercanggah dengan hadith yang sahih kerana ada penambahan perkataan في السماء (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1970). Penambahan tersebut menunjukkan hadith ini telah direka oleh pendusta yang bertujuan memperolok-lookkan ajaran yang suci ini (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1998). Ini akan mencemarkan imej Islam dan membuka ruang kepada musuh Islam untuk mendakwa Islam sebagai ajaran kontradik antara satu sama lain. Percanggahan yang berlaku disebabkan ada tokak tambah ini telah dijadikan salah satu simptom atau tanda oleh ahli-ahli hadith khususnya Ibn Qayyim untuk menghukumnya sebagai palsu.

Implikasi Kajian

Dalam penulisan kepustakaan ini, beberapa kesimpulan dan dapatan kajian penting telah diperolehi, antaranya:

- I. Kitab *Al-Manar Al-Munif Fi Al-Sahih Wa Al-Dha`if* bolehlah dianggap antara kitab terpenting untuk menjelaki hadith-hadith *mawdu'* melalui teks hadith berdasarkan kriteria-kriteria yang telah diasaskan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Kandungan kitabnya walaupun ringkas tetapi menepati nilai ilmiah sebagai antara rujukan terpenting menjelaki hadith-hadith *mawdu'* menerusi matannya.
- II. Kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam bidang hadith tergambar melalui pendekatan beliau menetapkan metodologi dan kriteria hadith *mawlid* berdasarkan matan yang boleh dijadikan panduan kepada umat Islam untuk menjelaki hadith *mawdu'*, meskipun mereka tidak mampu berhujah tetapi setidak-tidaknya mereka boleh berpegang kepada metod ini untuk menilai sesebuah hadith sama ada sahih ataupun tidak..
- III. Manhaj yang diketengahkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengenai beberapa persoalan berkaitan matan hadith *mawdu'* merupakan pendekatan yang baik dan menepati kriteria yang digariskan oleh ulama *nugad* meskipun ada beberapa aspek teknikalnya perlu diperhalusi terutama dari segi susunan metodnya yang perlu disusun mengikut keutamaan di samping menyatakan sumber hadith agar

perbahasan bukan sahaja nampak menarik tetapi juga menepati hujah yang meyakinkan.

- IV. Di dalam kitab *Al-Manar Al-Munif* terdapat sebahagian hadithnya walaupun dinilai sebagai *mawdu'* tetapi dari segi maknanya mungkin tidak salah. Bagaimanapun menyandarkannya kepada Nabi S.A.W adalah sesuatu yang tidak diizinkan syarak kecuali apabila dinyatakan kesahihannya. Perbuatan tersebut dibimbangi akan terjerumus dalam dosa berdusta sekiranya melakukan dengan sengaja. Mustahak dalam perkara ini ialah perlunya pengetahuan secara umum tentang ilmu hadith sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan mereka daripada salah tanggapan tersebut.
- V. Setelah melalui saringan baik dari segi sanad maupun matan, hadith-hadith yang telah dinilai *mawdu'* telah pun dijelaskan oleh Ibn Qayyim dengan hujah yang konkrit sehingga menampakkan bagaimana sesebuah hadith boleh dikesan kepalsuannya.
- VI. Penjelasan terhadap golongan yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak lansung sudah cukup membuktikan kegiatan mereka sudahpun terdedah kepada pengetahuan umum siapakah dalangnya yang sebenar. Kegiatan pemalsuan hadith sebenarnya bermula daripada gerakan musuh-musuh Islam di samping sikap sebahagian umat Islam sendiri yang masih terbawa-bawa dengan sikap fanatik yang melampau yang akhirnya mengundang amalan taklid dalam agama sehingga disangkanya semua yang didakwa hadith itu adalah benar dan diterima bulat-bulat tanpa prejudis. Kekeliruan dan salah faham terhadap perkara ini menyebabkan umat Islam yang cintakan agama ini mungkin tertipu dengan hadith palsu lalu mempercayainya.

Kesimpulan

Ulama Hadith tidak hanya berpada dengan menilai sanad-sanad bahkan mereka mengambil berat tentang kandungan matan hadith sepetimana yang dilakukan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Beliau telah meletakkan kaedah dan kriteria untuk menyelami riwayat-riwayat palsu berdasarkan matan. Dengan terciptanya kaedah-kaedah dan kriteria-kriteria yang bermakna ini, setidak-tidaknya menjadi panduan untuk mengesan hadith-hadith bertaraf *mawdu'* ataupun diletakkan dalam kategori hadith yang meragukan untuk dibuat penilaian sebelum ditentukan sama ada sahih atau *mawliE*. Sebagai umat Islam, mestilah berhati-hati dalam menerima hadith untuk mengelakkan diri dari terjerumus dalam kalangan mereka menerima apa sahaja dengan memejam mata sehingga asalkan dikatakan hadith terus sahaja diterima dengan patuh.

Walau apapun sebab yang berlaku yang pastinya ialah penyebaran dan penggunaan hadith *mawdu'* wajib dicegah dan dibasmi sehingga ke akar umbinya. Justeru, dalam kajian ini mencadangkan agar setiap bab atau sub bab diberikan kajian secara khusus. Ini kerana kajian yang lebih khusus akan memberi dapatan ilmiah yang lebih terperinci, mendalam dan lebih menyeluruh. Banyak persoalan dan permasalahan akan terjawab melalui contoh-contoh yang dikaji serta metod-metod yang diteliti.

Bibliografi

- _____. (1997). *Al-Mustadrak 'al-E al-Sahihain*. Kaherah: Dar al-Haramain.
- _____. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Adiem*. (tahqiq) Mu'laf al-Sayyid Muhammad. juz. 3. (t.tp): Mu'assasah Qurtubah.
- _____. (1415). *Al-Faw'id al-Majm'ah f'E al-Ahmad Eth al-Mawla ah*. Tahqiq Rilwén Jamí' Rilwén. Riyal: Maktabah Nizér Mu'lafa al-Béz.
- _____. (1998). *Al-Manér al-Munif f'E al-Oai' wa al-Öa'Ef*. TahqEq Ahmad 'Abd al-SyEf. Beirut: DÉr al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____. (t.t). *Al-Manér al-Munif f'E al-Oai' wa al-Öa'Ef*. TahqEq 'Abd Fattah AbE Ghuddah.(t.tp): Maktab al-MaibÉt al-Islamiyyah.
- _____. (1971). *Al-Sunnah Qabl al-Tadwén*. Beirut: DÉr al-Fikr.
- _____. (1996). *Al-JÉmi' wa al-AdEB*. (t.tp): DÉr al-Kutub al-Islamiyyah.
- _____. (t.t). *Al-Majm' Syarh al-Muhadhdhab li al-SyErÉz*. Beirut: DÉr al-Fikr.
- 'Abd al-Fattah AbE Ghuddah. (1984). *LamahÉt min TÉrÉkh al-Sunnah wa 'UIÉm al-xadEth*. (t.tp) (t.pt)
- 'Abd. al-'Azém al-Salém Syarf al-DÉn (Dr.). (1967). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah ArE'ahE wa ManhÉjuhE*. ctk. 2. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- 'UthmÉn bin 'Abd al-RahmÉn AbE 'Umar Taqiy al-DÉn (1986). *Muqadimah Ibn Øai'É*. Beirut: DÉrÉal-Fikr.
- (t.t). *TÉrÉkh BaghdED*. Beirut: DÉr al-Kitab al-'ArabE
- Abd Razak Muthalib (2011) *40 Hadith Palsu Popular*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Mat Diah. (1987) *Satu Contoh Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur. Fakulti Usuluddin. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- AbE al-Fida' al-HafEz Ibn KathÉr. (1994). *Al-BidEyah wa al-NihEyah*. (tahqEq) Ahmad 'Abd al-WahEb FatEh. Kaherah: DÉr al-xadEth.
- Al-Jawziyyah Ibn Qayyim (t.t.). *Al-WÉbil al-SayyEb min KalÉm al-Tayyib*. (terj.) Michael Abdurrahman Fitzgerald. The Invocation of God. Malta: Interprint Limited.
- Al-KhaïEB. Muhammad 'AjEj. (1989) *Usul al-xadEth 'UIÉmuh wa Muslalah*. Damsyik: DÉr al-Fikr
- Al-NaisabE. AbE 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Hakim. (1997). *Ma'rifah 'UIÉm al-Hadith*. Beirut. DÉr al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-NawEwE. Muhy al-DÉn AbE Zakaria Yahya bin Syaraf. (1392) *Muqadimah Øai'É Muslim bi Syarh al-NawEwE*. Beirut: DÉr Ihya' al-TurEh al-'ArabE.
- Al-QasimE. Jamal al-DÉn ibn Muhammad Sa'Ed. (1993). *QawE'id al-TahdEth min FunEen Muslalah al-HadEth*. ed. Muhammad Bahiyah al-Baitar. jld 2. Misr. DÉr Ihya' al-Kutub al-'ArabE
- Al-Quran al-Karim
- Al-SakhEwE. Syams al-DÉn Muhammad bin 'Abd al-RahmÉn. (1403H). *Fath al-Mughith Syarh al-Fiah al-xadEth*. Beirut: DÉr al-KitEB al-'Ilmiyyah.

- Al-Syawk n . Muhammad bin ‘AI . (1987). *Al-Faw ’id al-Majm ’ah*. Beirut: Al-Maktab al-Islam .
- Bakr bin ‘Abd Allah Ab  Zayd. (1980). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah Hay tuhu wa Ath ruhu*. ctk 1. al-Riyad al-Hilal.
- Barnadib, Prof. Iman. (1982). Arti dan Metod Sejarah pendidikan. Yayasan Penerbitan FIP-IKIP Yogyakarta.
- Faisal Ahmad Shah. Mohd Khafidz Soroni. Rosni Wazir. (2010). *Manhaj al-Muhaddith n. Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan Hadith. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ibn ‘Abd al-B z. Ab  ‘Umar Yusuf ibn ‘Abdullah. (1968) *Jami‘ Bay n al-‘Ilm wa Fa lih*. ed. ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman. al-Madinah: al-Ma ba‘ah al-Salafiyyah.
- Ibn al-Jawz . Ab  Faraj ‘Abd al-Rahman bin ‘AI  bin Ja‘far. (1997). *Kit b al-Maw ’ t fi al-Ah dith al-Mar ’at*. tahqiq Dr. Nur al-D n bin Syukri bin ‘AI . Riyad: Maktabah Adwa‘ al-Salaf.
- Ibn Kath r. Ab  Fid . (t.t) *Al-Nih yah f  al-fitan wa al-Ma him*. (t.tp) : Maktabah Misyk t al-Isl miyyah
- Ibn Øolai. (2008). ‘Ul m al-xad th, Damsyik: D r al-Fikr
- Imam Bernadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Penerbit AP-IKIP
- Mark Abrahamson. (1963). *Social Research Methods*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd Izwan bin Md Yusof. (2007). *Metodologi Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Kitab Amth l f  al-Quran*. Dissertation (Master Usuluddin). Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.
- Musfir al-Dumain . (1984). *Maq yis Ibn Jawz  f  Naqd mut n al-Sunnah min Khilal Kitabihi al-Maw ’ t*. Jeddah: D r al-Madan .
- Muslim Ibn al-Hajj j Ab  Husayn. (1960). *Al-J mi‘ al-Øa  t*. jil. 8. Misr. Maktabah wa Ma b ah Mustafa al-B b  al-Halab .
- Muslim, Øa  t Muslim. (t.th). *Kitab al-Dhuhd wa al-Raq iq*.
- Noratikah Mohd. Zainuldin. (2002/2003). *Metodologi Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Pentafsiran al-Quran: Satu Analisa Terhadap Kitab Tafsir Ibn Qayyim*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: UM.
- Tuan Muhammad Sapuan bin Tuan Ismail. (2005) *Maq yis Naqd al-Mata f  Kit b al-Man r al-Mun f li Ibn Qayyim*. Kuliyyah of Islamic Reveled Knowledge and Human Science. Master of Islamic Reveled Knowledge and Heritage (Quan and Sunnah). Selangor: UIA.
- Winardis. (1976). *Pengantar Metodologi Research*. Bandung: Penerbit Alumni Yusuf ibn ‘Abdullah ibn ‘Abd al-Barr. (t.th). *Jami‘ Bay n al-‘Ilm wa Fa lihi*, ed. ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman jil 2. Al-Madinah: al-Ma ba‘ah al-Salafiyyah.